

Khidmat kesihatan pergigian sempurna pada semua rakyat jadi matlamat kerajaan

25 APRIL 1991

KUALA LUMPUR 25 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, adalah menjadi matlamat kerajaan menyediakan perkhidmatan kesihatan pergigian yang sempurna kepada semua rakyat negara ini.

Katanya, matlamat tersebut adalah selaras dengan kesedaran bahawa kesejahteraan rakyat berkait rapat dengan taraf kesihatan yang sempurna.

"Sama seperti perkhidmatan perubatan, perkhidmatan kesihatan pergigian mesti ditingkatkan kerana ia merupakan satu aspek penting dalam meningkatkan taraf kesihatan masyarakat," katanya ketika berucap melancarkan penubuhan Persatuan Pergigian Komanwel di sini, petang ini.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan doktor - doktor pergigian ne-

gara ini supaya meningkatkan tahap perkhidmatan mereka dan sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi dan pengetahuan di bidang tersebut.

Sehubungan dengan itu, katanya, Persatuan Pergigian Komanwel boleh menjadi forum bagi pertukaran pengetahuan dan pengalaman di antara negara-negara anggota.

Menurutnya, penubuhan persatuan tersebut mestilah memberi manfaat yang sama kepada semua negara, terutamanya negara-negara kecil bagi mencapai tahap kesihatan pergigian yang lebih baik.

Dato' Sri Dr. Mahathir kemudiannya memalu gong tiga kali bagi menandakan penubuhan persatuan tersebut yang dianggotai oleh semua persatuan pergigian kebangsaan negara - negara Komanwel.